PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Inflasi meningkat pada suku kedua. Kenaikan tersebut disebabkan terutamanya oleh pelarasan kos ekoran kenaikan harga input. Kenaikan harga yang disebabkan oleh permintaan adalah sederhana dan tidak menjadi isu yang membimbangkan kepada dasar monetari. Oleh yang demikian, dasar monetari kekal tidak berubah dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 2.70% pada suku tersebut. Sementara itu, purata wajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat 2.67-2.73% dengan purata 2.70% pada suku tersebut. Kadar purata antara bank bagi tempoh 1 minggu hingga 3 bulan pula naik sedikit, mencerminkan jangkaan beberapa peserta pasaran yang kadar faedah akan meningkat pada masa hadapan.

Pada akhir suku kedua 2005, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahun, RM juta)



Kadar Pinjaman Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Kadar Faedah

	S2 04	S4 04	S2 05
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)*	2.70	2.70	2.70
Kadar antara bank			
Semalaman	2.69	2.69	2.69
1 bulan	2.83	2.77	2.83
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.98	5.98	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.99	5.98	5.93
Syarikat kewangan	8.76	8.78	8.78
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal tidak berubah pada 5.98% dan 6.90%. Kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan kekal stabil pada 5.93% (Mac: 5.90%), manakala ALR syarikat kewangan meningkat kepada 8.78% (Mac: 8.63%) disebabkan terutamanya dengan tidak termasuknya dua syarikat kewangan yang mempunyai ALR yang lebih rendah daripada ALR purata, berikutan penggabungan syarikat kewangan tersebut dengan bank perdagangan.

Pembiayaan sektor swasta kekal teguh

Pembiayaan kasar sektor swasta yang diperoleh melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat sedikit kepada RM138.5 bilion pada suku kedua 2005 (S1 2005: RM133.9 bilion), dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.7% (S1 2005: 12.3%). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang lebih tinggi dan sebahagiannya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang meningkat. Pada asas

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2004	S2 04	S1 05	S2 05	2004	S1 05	S2 05
Jumlah pembiayaan kasar	522.8	127.4	133.9	138.5	6.2	12.3	8.7
Pengeluaran pinjaman *	488.2	120.0	126.6	129.3	10.6	10.2	7.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	28.0	6.5	5.3	6.8	-34.4	86.4	5.9
Ekuiti	6.5	1.0	2.0	2.4	-16.7	31.6	149.2
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	55.6	15.9	11.1	16.0	9.0	9.6	9.3
Sistem perbankan	39.0	14.1	8.1	10.4	7.7	8.6	7.7
Pinjaman terkumpul (A)	40.1	13.6	8.6	11.3	8.5	9.1	8.4
Pegangan PDS	-1.1	0.5	-0.6	-0.8	-3.1	1.3	-2.9
PDS terkumpul (B)	15.5	2.3	2.5	4.7	10.7	11.2	12.6
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	36.3	7.5	5.5	7.8	-28.7	-9.2	4.3

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.3% pada akhir suku kedua 2005 (akhir S1 2005: 9.6%).

Penunjuk utama pinjaman menunjukkan aktiviti pemberian pinjaman kekal mapan. Jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman pada suku kedua

Pinjaman mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drp. jumlah	Bahagian drp. jumlah
	2004	S2 04	S1 05	S2 05		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	335.3	82.8	86.9	87.8	67.9	41.7
Syarikat besar	*234.9*	*58.0*	*61.0*	*60.7*	*47.0*	*24.5*
PKS	*100.4*	*24.8*	*25.9*	*27.1*	*21.0*	*17.2*
Isi rumah	130.3	31.5	33.9	35.4	27.4	52.6
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.7	3.7	3.1	3.1	2.4	2.1
Perlombongan dan kuari	2.0	0.4	0.5	0.3	0.3	0.2
Perkilangan	121.5	30.7	30.9	32.2	24.9	11.8
Sektor harta benda yang luas	88.8	21.7	22.0	22.3	17.3	40.9
Pembinaan	*30.3*	*7.3*	*7.4*	*7.4*	*5.7*	*5.7*
Pembelian rumah kediaman	*38.8*	*9.7*	*9.2*	*9.4*	*7.3*	*26.4*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*12.1*	*2.9*	*3.5*	*3.5*	*2.7*	*6.2*
Harta tanah	*7.5*	*1.9*	*1.9*	*2.1*	*1.6*	*2.7*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.4	1.5	1.4	2.2	1.7	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	83.7	20.0	22.3	24.2	18.7	8.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.5	2.8	1.9	2.2	1.7	1.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.5	8.8	11.1	7.6	5.9	5.8
Jumlah	**488.2**	**120.0**	**126.6**	**129.3**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2004	S2 04	S1 05	S2 05	2004	S2 04	S1 05	S2 05
Jumlah								
Permohonan pinjaman	273.3	70.5	68.4	80.7	20.1	32.9	16.9	14.6
Kelulusan pinjaman	173.6	46.6	42.6	47.3	13.6	21.4	14.6	1.6
Pengeluaran pinjaman	488.2	120.0	126.6	129.3	10.6	14.8	10.2	7.8
Bayaran balik pinjaman	461.6	110.3	117.9	120.6	7.3	14.0	4.8	9.3
Perubahan pinjaman terkumpul *	40.1	13.6	8.6	11.3	8.5	6.2	9.1	8.4
Di antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	149.9	37.9	36.3	42.4	20.0	33.5	19.0	11.7
Kelulusan pinjaman	84.9	23.6	20.0	21.7	9.8	18.4	16.3	-8.0
Pengeluaran pinjaman	335.3	82.8	86.9	87.8	10.5	15.8	11.1	6.1
Bayaran balik pinjaman	319.8	76.0	82.6	84.7	6.8	14.6	9.3	11.5
Perubahan pinjaman terkumpul *	5.5	5.4	-0.1	2.8	2.6	0.2	2.8	1.5
PKS								
Permohonan pinjaman	54.2	14.5	13.1	16.4	21.7	49.1	24.4	12.9
Kelulusan pinjaman	31.6	8.4	8.1	9.0	22.0	43.3	40.8	7.2
Pengeluaran pinjaman	100.4	24.8	25.9	27.1	15.3	29.5	9.6	9.2
Perubahan pinjaman terkumpul *	6.3	2.9	1.2	2.0	7.7	7.3	10.5	9.0
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	95.7	23.4	23.2	26.0	19.1	25.3	16.2	10.9
Kelulusan pinjaman	53.3	15.2	12.0	12.7	3.7	8.0	4.1	-16.4
Pengeluaran pinjaman	234.9	58.0	61.0	60.7	8.6	10.7	11.7	4.7
Perubahan pinjaman terkumpul *	-0.8	2.5	-1.2	0.9	-0.6	-3.8	-2.0	-3.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	120.2	32.3	31.0	37.2	22.1	29.9	14.0	15.3
Kelulusan pinjaman	86.8	22.8	21.9	25.3	20.5	25.5	13.3	11.2
Pengeluaran pinjaman	130.3	31.5	33.9	35.4	13.9	15.4	10.0	12.6
Bayaran balik pinjaman	107.0	25.6	28.1	28.1	13.7	18.4	4.6	9.8
Perubahan pinjaman terkumpul *	33.3	8.0	8.7	9.0	14.4	13.5	15.2	15.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
Sumber: Bank Negara Malaysia

adalah lebih tinggi pada asas suku tahunan dan asas tahunan. Walaupun sektor isi rumah terus menjadi pemacu utama pengembangan pinjaman, pinjaman kepada sektor perniagaan juga terus meningkat.

Permohonan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar yang lebih kukuh, menandakan permintaan terhadap pembiayaan bank oleh sektor ini yang kekal mapan. Pada asas tahunan, pengeluaran pinjaman untuk perbelanjaan kad kredit (28.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah) dan pembelian kereta penumpang (28%) merupakan pendorong kepada peningkatan dalam pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah, dengan kadar pertumbuhan tahunan masing-masing pada 16.7% dan 40.5%. Sementara itu, pengeluaran pinjaman untuk pembelian harta kediaman adalah rendah sedikit (-3% berbanding dengan S2 2004). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor isi rumah kekal tinggi dan meningkat pada kadar

tahunan 15.1% pada akhir suku kedua 2005 (akhir S1 2005: 15.2%).

Pinjaman kepada sektor perniagaan kekal berdaya tahan. Permohonan kekal kukuh dan meningkat pada kadar tahunan 11.7%. Kelulusan kekal tinggi pada asas suku tahunan tetapi lebih rendah pada asas tahunan, mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi pada tahun 2004. Pengeluaran pinjaman yang meningkat 6.1% pada asas tahunan, disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (36.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan) dan sektor perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel (27.5%). Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel nyata kukuh (21.1% lebih tinggi berbanding dengan S2 2004). Pinjaman terkumpul mencatat pertumbuhan tahunan yang positif untuk suku ketiga berturut-turut. Nisbah NPL kasar bagi pinjaman perniagaan terus menurun (akhir S2 tahun 2005: 12.4%; akhir tahun 2004: 13.7%).

Pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pinjaman kepada sektor perniagaan. Pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan 9% pada akhir suku kedua 2005 (akhir S1 2005: 10.5%). Permintaan terhadap pembiayaan bank yang kukuh oleh PKS dicerminkan oleh kadar pertumbuhan permohonan (+12.9%) dan pengeluaran pinjaman (+9.2%) yang tinggi. Sebanyak RM9 bilion telah diluluskan kepada 21,421 akaun PKS pada suku kedua (S1 2005: RM8.1 bilion diluluskan kepada 19,709 akaun).

Pertumbuhan agregat monetari secara relatif stabil pada suku kedua

Wang secara kecil atau M1, meningkat pada kadar tahunan 11% pada akhir suku kedua 2005 (akhir S1 2005: 9.4%). Wang secara luas atau M3, mengembang pada kadar tahunan 12.8% pada akhir suku kedua 2005 (akhir S1 2005: 13.3%) disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana dan aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan yang mapan, yang telah diimbangi sedikit oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih rendah.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu M3

	Perubahan pada tahun			
	Tahunan	Suku Tahunan		
	2004	S2 04	S1 05	S2 05
	RM bilion			
M3	68.0	9.9	26.4	8.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-15.9	-2.0	-9.1	-4.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	30.0	12.2	8.1	7.5
Operasi luar bersih*	82.0	6.0	29.0	12.9
Pengaruh lain	-28.1	-6.4	-1.7	-7.6

* Sebelum penilaian semula

Pembiayaan daripada pasaran modal kekal tinggi

Pada suku kedua, keperluan pembiayaan sektor awam dan swasta diperoleh secara efektif daripada pasaran modal. Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi sebanyak RM7.6 bilion (S1 2005: RM10.5 bilion), dengan sejumlah besar pembiayaan diperoleh daripada pasaran bon.

Pembiayaan kasar yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih tinggi sebanyak RM7.8 bilion (S1 2005: RM5.5 bilion), disokong oleh kadar hasil yang rendah dalam pasaran bon. Pada suku kedua, sebanyak 26 syarikat, terutamanya daripada sektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, memperoleh pembiayaan daripada pasaran PDS. Dana tersebut diperoleh terutamanya untuk membiayai aktiviti baru (52.8% daripada terbitan baru) dan pembiayaan semula hutang sedia ada (35.4% daripada terbitan baru). Dari segi instrumen, nota jangka sederhana dan sekuriti hutang Islam merupakan jenis terbitan pilihan, masing-masing mencakupi 49.3% dan 43.5% daripada jumlah terbitan. Pada suku tersebut, International Bank for Reconstruction and Development menerbitkan bon Islam 5 tahun bernilai RM760 juta, menjadikannya terbitan

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	14,763	25,763	4,000	9,543	13,543
Tolak Penebusan	9,700	15,200	-	8,500	8,500
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	5,063	10,563	4,000	1,043	5,043
Bon Khazanah, *bersih*	(1,000)	(1,000)	833	-	833
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	(560)	(560)	2,000	-	2,000
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	497	542	357	378	735
Dana Bersih yang Diperoleh	4,001	9,546	7,190	1,421	8,611
Oleh Sektor Swasta					
Saham	969	2,496	2,009	2,415	4,424
Sekuriti Hutang	7,498	13,539	5,486	7,823	13,309
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	6,463	9,299	5,286	6,843	12,129
Cagamas	1,035	4,240	200	980	1,180
Tolak Penebusan	8,558	15,486	4,212	4,078	8,290
Terbitan bersih	(1,060)	(1,947)	1,274	3,745	5,019
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	(2,095)	(2,017)	2,634	3,380	6,014
Dana bersih yang Diperoleh	(91)	549	3,282	6,161	9,443
Jumlah Bersih Dana yang Diperoleh	3,910	10,095	10,473	7,582	18,054
Kertas dan nota jangka pendek, bersih[1]	(1,213)	(1,482)	587	82	669
Jumlah	2,697	8,614	11,059	7,664	18,723

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan
(% daripada jumlah)



supranasional yang ketiga daripada pasaran bon ringgit. Setelah membuat pelarasan untuk penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran PDS berjumlah RM3.7 bilion (S1 2005: RM1.3 bilion).

Kerajaan memperoleh jumlah kasar sebanyak RM9.6 bilion melalui empat terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada suku kedua. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira tahap penebusan yang tinggi, dana bersih yang diperoleh sektor awam adalah lebih rendah sebanyak RM1.4 bilion (S1 2005: RM7.2 bilion).

Pembiayaan melalui pasaran ekuiti meningkat kepada RM2.4 bilion (S1 2005: RM2 bilion). Sejumlah besar daripada dana tersebut diperoleh melalui 14 tawaran awam awal (IPO) yang berjumlah kira-kira RM2 bilion, termasuk dua IPO utama, yang mencakupi sebanyak RM1.7 bilion. Pada suku tersebut, terdapat 16 penyenaraian baru di Bursa Malaysia dengan tiga penyenaraian di Papan Utama, tiga di Papan Kedua dan sepuluh di Pasaran MESDAQ.

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Kedua 2005
(31 Disember 2004 - 30 Jun 2005)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2004				2005					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga antaranya:	20,478	43,964	56,648	117,832	30,042	56,261	25,824	40,423	55,867	96,684
Papan Utama *antaranya*	14,826	37,062	41,237	95,923	21,236	48,384	18,253	35,778	39,489	84,162
- Barangan Pengguna	782	2,605	1,879	6,355	1,018	3,117	872	2,072	1,890	5,189
- Barangan Perusahaan	2,211	3,663	6,109	9,429	4,829	5,767	2,996	3,076	7,825	8,842
- Pembinaan	862	1,911	2,486	5,783	1,579	3,114	810	1,287	2,389	4,401
- Perdagangan/Perkhidmatan	3,509	12,723	8,897	31,898	4,320	15,710	4,055	14,160	8,375	29,870
- Kewangan	2,342	7,728	6,699	21,694	3,059	10,495	2,173	8,253	5,232	18,748
- Harta benda	2,155	2,978	6,143	7,909	3,367	5,602	3,767	3,069	7,134	8,671
- Perladangan	539	2,779	1,259	5,713	604	2,168	453	1,951	1,057	4,119
- Perlombongan	5	30	47	164	0	1	0	7	0	8
Papan Kedua	4,018	5,468	10,051	16,303	5,537	5,586	4,194	2,960	9,731	8,546

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2004		2005		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
Indeks Harga					
- Komposit	819.86	819.86	871.35	888.32	888.32
- EMAS	197.34	197.34	204.98	203.73	203.73
- Papan Kedua	117.17	117.17	101.76	87.79	87.79
Urus niaga harian purata					
- Jumlah (juta unit)	332.73	486.39	517.97	416.52	461.71
- Nilai (RM juta)	726.12	1,017.11	965.78	651.99	797.01
Permodalan Pasaran (RM b)	653.94	653.94	694.89	688.63	688.63
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	934	934	982	990	990

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi KLCI bercampur-campur pada suku kedua

Kebimbangan mengenai kesan buruk kenaikan harga minyak dan peningkatan inflasi dalam negeri menjejaskan sentimen pasaran pada dua bulan pertama suku kedua. Walau bagaimanapun, pasaran bertambah baik pada bulan Jun. Hasilnya, pada suku kedua secara keseluruhan, prestasi KLCI meningkat sebanyak 16.97 mata dengan mengakhiri suku tersebut pada paras yang lebih tinggi, iaitu pada 888.32 (S1 2005: +1.9%). Walau bagaimanapun, permodalan pasaran adalah lebih rendah sebanyak RM688.6 bilion (S1 2005: RM694.9 bilion). Aktiviti dagangan pada suku tersebut menurun dengan urus niaga harian purata yang lebih rendah, iaitu 417 juta unit (S1 2005: 518 juta unit).

Urus niaga sekunder yang lebih rendah dalam pasaran bon

Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga menurun kepada RM94.5 juta pada suku kedua (S1 2005: RM98.8 bilion). Sekuriti Kerajaan mencakupi 62.5% daripada jumlah urus niaga, manakala bon Cagamas dan Khazanah menyumbang 10.3% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, bon GII dan Khazanah merupakan kertas yang paling cair, masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 1.15 dan 0.36.

Kadar hasil tanda aras MGS menurun dengan ketara disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap sekuriti pendapatan tetap daripada pelabur institusi dalam negeri berikutan penebusan MGS yang tinggi pada suku tersebut. Minat pelabur bukan pemastautin yang muncul kembali terhadap sekuriti Kerajaan menambahkan lagi kejatuhan kadar hasil MGS. Selain itu, sentimen pasaran bon juga dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai impak kenaikan harga minyak mentah atas pertumbuhan

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



ekonomi global. Akibatnya, keluk kadar hasil MGS menurun, dengan MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 37 dan 45 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



Prestasi ringgit

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau sepanjang tempoh suku kedua. Dolar AS telah menjadi kukuh berbanding dengan mata wang utama ekoran jangkaan bahawa dasar monetari AS akan diperketatkan lagi untuk mengurangkan tekanan inflasi, pembezaan kadar hasil yang memihak kepada aset dalam mata wang dolar serta jangkaan pasaran bahawa pertumbuhan ekonomi AS pada tahun 2005 akan mengatasi pertumbuhan ekonomi di kawasan euro dan Jepun. Kebimbangan pasaran terhadap masa hadapan pengintegrasian ekonomi negara-negara Eropah berikutan hasil yang negatif daripada referendum di Perancis dan Netherland mengenai Perlembagaan Kesatuan Eropah (EU) yang baru juga melemahkan sentimen terhadap euro.

Dolar AS, dan oleh itu ringgit, turut menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau pada suku kedua. Beberapa mata wang serantau mengalami penyusutan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 April - 30 Jun 2005)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh					% perubahan sejak *			
	30 Jun 97	02 Sep 98	S2 04	S1 05	S2 05	30 Jun 97	02 Sep 98	S2 04	S1 05
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0	0.0
Euro	-	-	4.5933	4.9125	4.5948	-	-	0.0	6.9
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.8719	7.1415	6.8685	-38.9	-7.2	0.0	4.0
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.4991	3.5446	3.4469	-35.9	-19.5	1.5	2.8
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2139	2.3034	2.2576	-21.8	-2.6	-1.9	2.0
100 baht Thailand	9.7470	9.3713	9.2841	9.7013	9.2032	5.9	1.8	0.9	5.4
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7640	6.9381	6.7628	41.8	30.6	0.0	2.6
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0404	0.0401	0.0391	165.4	-9.5	3.2	2.5
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3298	0.3734	0.3699	-23.2	-23.6	-10.8	0.9

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

nilai berikutan kebimbangan pasaran terhadap kesan kenaikan harga minyak antarabangsa atas prospek pertumbuhan ekonomi serantau. Penyusutan nilai baht Thailand disebabkan sebahagiannya oleh kebimbangan pasaran mengenai kesan kos import minyak yang tinggi atas akaun semasa.

Trend dolar yang menambah nilai, dan oleh itu ringgit berbanding dengan mata wang lain pada suku kedua, telah menterbalikkan sebahagian besar daripada penyusutan nilai yang dialami pada tahun 2004. Ini menyebabkan nilai ringgit wajaran perdagangan menjadi semakin hampir pada nilainya yang berpatutan.